

PERATURAN PERMAINAN OLAHRAGA SUKAN ASASI MALAYSIA KALI KE-9 TAHUN 2026 (SAM2026)

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Olahraga Dunia (WA), Undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Ke-9, 2026 (SAM 2026).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan antara Olahraga, Pusat Asasi Universiti Awam Malaysia dan Kolej Matrikulasi Kelantan dan Asasi Politeknik.

3.0 KELAYAKAN PEMAIN

3.1 Rujuk perkara 3 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

4.0 PENDAFTARAN PESERTA – PESERTA

4.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat mengikut tata cara sistem pendaftaran masuk yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur yang kemudiannya akan disebut Borang Pendaftaran Atlet Sukan Asasi Malaysia (SAM) 2026.

BIL	PERMAINAN	BIL .ATLET LELAKI	BIL. ATLET WANITA	BIL. PENGURUS & JURULATIH
1	Olahraga (Balapan)			
	- 100m	2	2	2
	- 200m	2	2	
	- 400m	2	2	
	- 800m	2	2	
	- 1,500m	2	2	
	- 4 x 100m	4	4	
	- 4 x 400m	4	4	
Jumlah Keseluruhan		36		

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

5.1 Setiap pasukan adalah dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada DUA (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan SATU (1) pasukan bagi acara Lari Berganti – Ganti.

- 5.2 Semua acara yang tersebut akan menggunakan BLOK PERMULAAN.
- 5.3 BLOK PERMULAAN akan disediakan oleh pihak penganjur.
- 5.4 Empat (4) Separuh Akhir
- 5.4.1 Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpanjang akan layak memasuki Peringkat Akhir.
- 5.5 Tiga (3) Separuh Akhir
- 5.5.1 Dua (2) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.
- 5.6 Dua (2) Separuh Akhir
- 5.6.1 Tiga (3) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua – dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.
- 5.7 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan pada para 14.1, 14.2, dan 14.3, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.
- 5.8 Semua pengundian lorong untuk acara akhir, semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan dan Perangkaan dengan pengawasan/Penyeliaan oleh Wakil Teknikal KOAM (Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia) atau MSSM (Majlis Sukan Sekolah - Sekolah Malaysia).
- 5.9 Kod – kod warna dan nombor berikut akan digunakan untuk kelas, jantina dan negeri.
- 5.10 Huruf dan Nombor Peserta.

BIL	NAMA PASUKAN	HURUF	NO. LELAKI	NO. PEREMPUAN
1	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	A	A 001 – A 030	A 031 – A 060
2	Universiti Malaya (UM)	B	B 061 – B 090	B 091 – B120
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	C	C 121 – C 150	C 151 – C 180
4	Universiti Putra Malaysia (UPM)	D	D 181 – D 210	D 211 – D 240
5	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	E	E 241 – E 270	E 271 – E 300

6	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	H	H 421 – H 450	H 451 – H 480
7	Universiti Utara Malaysia (UUM)	F	F 301 – F 330	F 331 – F 360
8	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	G	G 361 – G 390	G 391 – G 420
9	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	I	I 481 – I 510	I 511 – I 540
10	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	J	J 541 – J 570	J 571 – J 600
11	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	K	K 601 – K 630	K 631 – K 660
12	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	L	L 661 – L 690	L 691 – L 720
13	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	N	N 721 – N 750	N 751 - N 780
14	Kolej Matrikulasi Kelantan	M	M 781 – M 810	M 811 – M 840
15	Asasi Politeknik Malaysia	O	O 841 – O 870	O 871 – O 900

6.0 PENGESAHAN PESERTA

6.1 Pengundian lorong

6.1.1 Undian lorong akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penganjur.

6.1.2 Nama – nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan dalam/pada mesyuarat ini. Segala pertukaran dan penggantian peserta atau acara boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut. **(Tiada penambahan peserta baru dan selepas pengesahan pendaftaran peserta maka pertukaran/penggantian tidak akan dipertimbangkan lagi).**

6.2 Taklimat Pengurus – Pengurus Pasukan

6.2.1 Semasa taklimat ini, hanya pengguguran acara dan penarikan diri TANPA penggantian dibenarkan.

6.3 Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan

6.3.1 Jika didapati seseorang peserta telah disahkan semasa Taklimat Pengurus – Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, KECUALI jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara – acara seterusnya

yang didaftarkan atas namanya.

6.3.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana – mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.

6.3.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana – mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan.

6.4 Penggantian Dalam Acara Lari Berganti – Ganti

6.4.1 Penggantian bagi acara Lari Berganti – Ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Atlet. Peraturan ini meliputi penyertaan di pusingan Separuh Akhir dan Akhir.

7.0 MELAPORKAN DIRI PESERTA

7.1 Semua peserta mesti melaporkan diri seperti jadual di bawah sebelum waktu acara berkenaan di jadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.

ACARA	MASA LAPOR DIRI	MASA BERGERAK KE ARENA
Balapan	30 minit sebelum acara bermula	10 minit sebelum acara bermula
Padang	30 minit sebelum acara bermula	10 minit sebelum acara bermula

7.2 Peserta – peserta yang lewat melaporkan diri, sebelum acara mereka dimulakan, Referi Bilik Panggilan boleh membatalkan penyertaan dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri.

7.3 Peserta – peserta TIDAK DIBENARKAN melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknikal dalam arena pertandingan.

7.4 Hebahan tentang panggilan peserta – peserta untuk melaporkan diri bagi acara – acara mereka TIDAK AKAN DIBUAT. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan

hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.

- 7.5 Peserta – peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor – nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing – masing.
- 7.6 Apabila melaporkan diri untuk tiap – tiap acara, seseorang peserta mesti menunjukkan Kad Akreditasi Atlet kepada Penyelia Peserta berkenaan. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, peserta berkenaan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai acara ini.
- 7.7 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diiringi oleh penyelia peserta.
- 7.8 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada dilorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang.

8.0 SEPARUH AKHIR

- 8.1 Empat (4) Separuh Akhir
 - 8.1.1 Pemenang setiap separuh akhir dan empat (4) pencatat masa terpanjang akan layak memasuki Peringkat Akhir.
- 8.2 Tiga (3) Separuh Akhir
 - 8.2.1 Dua (2) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik bagi ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.
- 8.3 Dua (2) Separuh Akhir
 - 8.3.1 Tiga (3) peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua – dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.
- 8.4 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan pada para 8.1, 8.2, dan 8.3, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.
- 8.5 Semua pengundian lorong untuk acara akhir, semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan dan Perangkaan dengan

pengawasan/Penyeliaan oleh Wakil Teknikal KOAM (Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia) atau MSSM (Majlis Sukan Sekolah - Sekolah Malaysia).

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Setiap peserta atau pasukan yang bertanding perlu menggunakan pakaian pasukan atau kontinjen institusi masing-masing.
- 9.2 Nama singkatan pasukan atau nama kontinjen institusi disarankan dicetak pada bahagian sebelah 'atas belakang' pakaian.
- 9.3 Pemain mesti berpakaian sukan lengkap iaitu baju berlengan, berseluar panjang, berkasut dan berstokin.
- 9.4 Pakaian mestilah seragam bagi peserta atau pasukan yang bertanding bagi acara yang melibatkan lebih daripada seorang pemain. Keseragaman ini juga disarankan ke atas pemakaian topi atau tudung yang digunakan, sekiranya berkaitan.
- 9.5 Bahan pakaian dari jenis kain denim, seluar dengan potongan jeans, atau pakaian ketat adalah tidak dibenarkan. Seluar potongan 'half cut' atau '3 suku' juga tidak dibenarkan.
- 9.6 Paku Kasut
 - 9.6.1 Kejohanan ini akan diadakan di atas balapan jenis sintetik. Panjang maksima paku kasut (spikes) tidak boleh melebihi 09mm.
- 9.7 Peralatan
 - 9.7.1 Pihak Penganjur akan menyediakan semua peralatan termasuk Blok Permulaan.
- 9.8 Pihak penganjur melalui jawatankuasa teknikal pertandingan berhak menghalang peserta atau pasukan yang tidak mematuhi peraturan pakaian daripada meneruskan perlawanan.

10.0 KELEWATAN

- 10.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

11.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 11.1 Rujuk Perkara 10 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

12.0 RAYUAN/BANTAHAN

12.1 Rujuk Perkara 11 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

13.0 JURI RAYUAN

13.1 Rujuk Perkara 12 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

14.0 LEMBAGA TATATERTIB

14.1 Rujuk Perkara 13 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

15.0 HADIAH

15.1 Rujuk Perkara 14 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.

16.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

16.1 Rujuk Perkara 18 Peraturan Am Sukan Asasi Malaysia Kali Ke-9 Tahun 2026.



SAM
2026
SUKAN ASASI MALAYSIA
KALI KE-9
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA